

08 AUG 1998

MIC-Buku

MIC TERBIT BUKU KHAS MENGENAI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Sebagai mengiktiraf sumbangan dan kejayaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam membangunkan negara, MIC buat julung kalinya telah menerbitkan sebuah buku khas mengenai pencapaian beliau di dalam dan luar negara sejak menjadi Perdana Menteri pada 1981.

Buku bertajuk "Mahathir: Nadi Penggerak Bangsa" itu dilancarkan oleh Dr Mahathir sendiri di hadapan lebih 1,300 perwakilan MIC selepas merasmikan Perhimpunan Agung ke-52 parti itu di sini hari ini.

"Walaupun banyak buku mengenai Dr Mahathir telah diterbitkan, buku ini lebih menumpukan kepada kejayaan satu demi satu beliau dalam membawa Malaysia setanding dengan negara-negara maju," kata Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu.

Turut dimuatkan ialah sumbangan Dr Mahathir dalam menjayakan banyak projek dan program MIC untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat India seperti Kolej TAFE, sekolah-sekolah Tamil dan sebagainya.

Buku itu memuatkan hampir 100 keping gambar Dr Mahathir dan juga projek-projek pembangunan yang diilhamkan beliau seperti Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur, Stadium Nasional Bukit Jalil, Jambatan Pulau Pinang, Putrajaya dan Cyberjaya. lain-lain.

Gambar-gambar lain termasuk pertemuan beliau dengan pemimpin-pemimpin negara asing dan juga lawatannya ke beberapa negara dari benua Amerika, Afrika dan Asia.

Samy Vellu berkata buku itu diterbitkan khas untuk seorang pemimpin yang telah membangunkan negara dan maruah bangsa selepas menempuh pelbagai rintangan dan cabaran.

"Pemimpin ini tidak kenal erti putus asa apatah lagi kegagalan demi kepentingan bangsa Malaysia. Kepimpinan beliau amat diperlukan oleh negara lebih-lebih lagi ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi," kata beliau.

Samy Vellu berkata MIC akan sentiasa berdiri teguh bersama Dr Mahathir dalam menangani kegawatan ekonomi yang melanda negara.

Katanya, buku itu merupakan satu bentuk penghargaan MIC kepada Dr Mahathir yang telah berjaya membangunkan Malaysia.

"Buku ini akan menjadi bahan rujukan kepada generasi akan datang supaya mereka mengetahui siapa yang berjaya mengubah imej negara daripada sebuah negara pertanian kepada sebuah negara industri," kata beliau.

Teks buku setebal 100 muka surat dalam Bahasa Melayu itu ditulis oleh wartawan kanan Bernama, E.Sivabalan manakala koleksi gambar adalah dari Bernama.

-- BERNAMA

ES AKD